

# Mahathir sifatkan sidang Alam Sekitar dan UNCED berjaya

RIO DE JANEIRO 12 Jun —  
Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Persidangan mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNCED) atau lebih dikenali dengan panggilan Sidang Kemuncak Bumi yang bermula 3 Jun lalu sebagai berjaya, setakat ini.

Bercakap dalam temu bual khas dengan sebuah akhbar

asing di sini malam tadi, Perdana Menteri berkata:

"Setakat ini, UNCED boleh disifatkan sebagai telah berjaya kerana dapat mengumpul ramai ketua negara dan kerajaan, lebih 120 orang, berbanding 20 tahun lalu, di mana tidak ramai yang hadir di Stockholm.

"Ia juga disifatkan telah berjaya kerana ketua-ketua negara dan kerajaan sudah mula

memikirkan mengenai isu alam sekitar dan pembangunan, serta kesedaran itu telah pun meluas."

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan, kejayaan sebenar UNCED bergantung kepada apa yang akan berlaku selepas Sidang Kemuncak Bumi di Rio ini.

Beliau berkata bahawa banyak daripada persetujuan yang dibuat sekarang mung-

kin kerana alasan komitmen ataupun sebab politik.

"Berjaya atau tidaknya UNCED banyak bergantung kepada apa yang akan berlaku selepas ini," ujar beliau.

Sementara itu sebelah pagi hari ini, Perdana Menteri akan menandatangani Konvensyen Kepelbagaian Biologi selepas upacara pembukaan di Rio Centro, tempat persidangan Sidang Kemuncak Bumi.